

572
SULTAN-MAHATHIR

1976

ALOR SETAR, 18 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN AKAN MENKKAJI SEMULA APPROACH DAN ISI PELAJARAN PERDAGANGAN SUPAYA LEBIH SESUAI DAN PRAKTIK KEPADA PENGHIDUPAN KANAK-KANAK SEHARI-HARI.

INI PERLU KERANA MURID-MURID BUMIPUTRA JAUH KETINGGALAN DI BIDANG PELAJARAN ITU, KATANYA KETIKA BERUCAP DI UPACARA MERESMIKAN NAMA DAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN SERI AMAR DIRAJA, ALOR MERAH DEKAT SINI BERTHARGA \$120,000 OLEH SULTAN KEDAH.

HADHIR SAMA DI UPACARA ITU IALAH SULTAHAN, ISTERI TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. SITI HASNAH, MENTERI BESAR, DATUK SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN DAN ISTERI.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA, PELAJARAN PERDAGANGAN SEKARANG HANYA MERUPAKAN SATU MATA PELAJARAN PILIHAN BAGI SEMUA MURID TINGKAT SATU.

BELIAU BERHARAP LEBIH RAMAI MURID, KHASNYA BUMIPUTRA DARI LUAR BANDAR, AKAN MENGAMBIL MATA PELAJARAN ITU.

PARA MURID PERLU DIAJAR TENTANG NILAI WANG YANG BOLEH BERGANDA JIKA DIURUSKAN DENGAN BETUL. +MURID-MURID JUGA TIDAK SAJA PERLU DIAJAR APA YANG BERLAKU DIDEPAN MEJA SESEORANG TAUKEH DI KEDAI TETAPI JUGA MENGETAHUI APA YANG BERLAKU DI BELAKANG MEJA ITU.+ -- BERSAMBUNG 1550/SZ

594
SULTAN-MAHATHIR 2 ALOR STAR 'a'a'a'

BAGINDA SULTAN, DALAM TITAHNYA MENEGASKAN SEKOLAH-SEKOLAH MERUPAKAN SATU TENAGA PENGGERAK YANG BERKESAN MENGISI HASRAT DAN SEMANGAT SETIAP PEHAK TERUTAMA PARA PENDIDEK, GURU, IBUBAPA DAN MURID.

BAGINDA JUGA MENEGASKAN BAHAWA MASA DEPAN MURID-MURID BERGANTUNG KEPADA BENTUK DAN CORAK PELAJARAN YANG DIBERIKAN OLEH PARA PENDIDEK DAN PENGASUH.

+KIRANYA MEREKA DIBERI WARNA YANG SALAH, ROSAKLAH MASA DEPAN MEREKA.+ TITAH BAGINDA.

PETANG INI, PENGARAH PELAJARAN NEGERI, ENCIK JUMAAT BIN MOHAMED NOOR, MENYAMPAIKAN UCAPAN DR. MAHATHIR DI UPACARA PEMBUKAAN MADRASAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN DATUK SHAARI, KUBANG ROTAN DEKAT SINI.

DR. MAHATHIR BERKATA, ADALAH MENJADI HASRAT KERAJAAN UNTUK MELENGKAPKAN SEMUA SEKOLAH DENGAN SEGALA KEMUDAHAN.

KIRANYA MAKMAL PENTING BAGI MATA SAINS MAKA BEGITU JUGA MADRASAH BAGI MATA PELAJARAN UGAMA UNTUK MENJALANKAN BERBAGAI KEGIATAN DAN LATEHAN UGAMA.

ILMU PENGETAHUAN SAJA BLUM DAPAT MELENGKAPKAN SESEORANG ISLAM MENJADI SEORANG YANG BERGUNA TANPA PENDIDIKAN UGAMA.

TUGAS MEMBERI DIDEKAN UGAMA BUKAN TANGGUNGJAWAB KERAJAAN SEMATA-MATA TETAPI JUGA IBUBAPA. KERANA ITU WAJARLAH BAGI MASYARAKAT MENYUMBANG SEBAHAGIAN DARI PERBELANJAAN UNTUK KEGIATAN UGAMA SEPERTI MENDIRIKAN MADRASAH. -- BERNAMA 1633/ZCM